



HASiL

KENYATAAN MEDIA

SIARAN SEGERA

HASiL/2023/12/28 - 82

PROGRAM MEMFAIL BORANG NYATA (BN) BAGI TAHUN 2024

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa Program Memfail Borang Nyata (BN) bagi Tahun 2024 telah dimuat naik pada Portal Rasmi HASiL sebagai rujukan dan panduan kepada pembayar cukai untuk mengemukakan BN mereka pada tahun 2024. Dokumen tersebut boleh diakses dan dimuat turun dengan mengikut panduan mudah seperti yang berikut:
 - i. Layari Portal Rasmi HASiL di www.hasil.gov.my.
 - ii. Klik menu Borang > Program Memfail Borang Nyata > Program Memfail Borang Nyata (BN) Bagi Tahun 2024
 - iii. Atau capaian pantas di pautan berikut:

Versi Bahasa Malaysia:

<https://www.hasil.gov.my/media/5u5aympa/program-memfail-borang-nyata-tahun-2024.pdf>

Versi Bahasa Inggeris:

<https://www.hasil.gov.my/media/fw2jk2fd/rf-filing-programme-for-the-year-2024.pdf>



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia

1/3



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia

2. Sejalan dengan transformasi teknologi dan pendigitalan sistem perkhidmatan percukaian serta komitmen bagi meningkatkan tahap perkhidmatan pelanggan, HASiL akan mewajibkan penggunaan e-Perkhidmatan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan secara dalam talian melalui gerbang perkhidmatan Portal MyTax mulai 01 Januari 2024.

3. Pelaksanaan mandatori e-Perkhidmatan ini juga melibatkan keperluan untuk pengemukaan BN secara e-Filing yang merangkumi kategori pembayar cukai seperti yang berikut:

Kategori Pembayar Cukai	Jenis Borang	Kuat kuasa Mandatori e-Filing
Syarikat	e-C	Mulai Tahun Taksiran 2014
Perkongsian Liabiliti Terhad	e-PT	Mulai Tahun Taksiran 2021
Koperasi & Amanah	e-CS, e-TA, e-TC & e-TR	Mulai Tahun Taksiran 2024
Individu, Perkongsian, Pertubuhan & Harta Pusaka	e-BE, e-B, e-BT, e-M, e-MT, e-P, e-TF & e-TP	Mulai Tahun Taksiran 2023
Operasi Petroleum	e-CPP & e-CPE	Mulai Tahun Taksiran 2023
Majikan – Syarikat / Syarikat Labuan	e-E	Mulai Tahun Saraan 2016
Majikan - Selain Syarikat / Syarikat Labuan	e-E	Mulai Tahun Saraan 2023

4. Sila ambil perhatian bahawa Borang e-E hanya dianggap lengkap jika CP8D (maklumat saraan pekerja) dikemukakan sebelum atau pada tarikh akhir pengemukaan borang. Bagi tujuan penyediaan maklumat saraan pekerja, format CP8D bagi tahun saraan 2023 telah dikemaskini dengan tambahan dua (2) medan maklumat iaitu 'Status Pekerja' dan 'Tarikh Persaraan/Tamat Kontrak'. Majikan boleh merujuk kepada format terkini susun atur maklumat e-Data Pra-isi/e-CP8D bagi tahun saraan 2023 yang dilampirkan bersama-sama Program Memfail BN 2024 ini.
5. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:
- Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
 - HASiL Live Chat; dan
 - Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

#

SEKIAN, TERIMA KASIH.

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 28 Disember 2023

@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia